

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010
PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYA SESI 2010/2011**
[Mengikut seksyen 57 Perlembagaan Universiti Malaya [P.U.(A) 444]]

Dengan ini dimaklumkan bahawa pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya ["MPPUM"] untuk memilih sembilan (9) orang wakil kawasan Umum dan dua (2) orang wakil setiap kawasan Fakulti/Pusat/Akademi untuk menjadi ahli MPPUM bagi sesi 2010/2011 akan diadakan pada **21 Februari 2011 (Isnin)** di Kampus Universiti Malaya, Lembah Pantai, 50603 Kuala Lumpur.

Butiran lanjut mengenainya adalah seperti berikut:

1. PENAMAAN CALON

Tarikh : 17 Februari 2011 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi hingga 11.00 pagi
Masa Bantahan : 11.30 tengahari - 1.00 tengahari
Masa Rayuan : 3.15 petang - 4.15 petang

- (1) Calon boleh mendapatkan borang penamaan mulai **14 Februari 2011 (Isnin)** sehingga **16 Februari 2011 (Rabu)** mulai jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang di Kaunter, Aras 1, Blok D, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Calon perlu membuat pembayaran wang cagaran dan wang proses berjumlah **RM60.00**.
- (2) Pada hari penamaan calon, calon dikehendaki hadir bersama dengan pencadang dan penyokong pencadangan calon di hadapan Dekan atau wakil Dekan bagi calon kawasan FAKULTI/PUSAT/AKADEMI di FAKULTI/PUSAT/AKADEMI masing-masing untuk membuat pengesahan penamaan calon
- (3) Calon serta pencadang dan penyokong pencadangan calon hendaklah membawa **Kad Matrik dan Kad Pengenalan/Pasport (bagi Pelajar Antarabangsa)** pada hari penamaan calon.
- (4) Para penyokong calon tidak dibenarkan berada dalam lingkungan sekurang-kurangnya 50 meter dari tempat penamaan calon .

2. KELAYAKAN SEBAGAI PENGUNDI

- (1) Pelajar berdaftar Universiti Malaya dan tidak termasuk pelajar luar adalah layak untuk menjadi seorang pengundi.
- (2) Pengundi hendaklah membawa **Kad Matrik dan Kad Pengenalan/Pasport (bagi Pelajar Antarabangsa)** dirinya sewaktu mengundi.
- (3) Semua pelajar boleh menyemak Daftar Pemilih melalui laman web <http://umisweb.um.edu.my> dan di papan notis Fakulti/Pusat/Akademi atau Kolej Kediaman.

3. TARIKH, MASA DAN TEMPAT KEMPEN

- (1) Semua kempen yang dibenarkan hendaklah diadakan dalam tempoh berikut:

Tarikh	Masa
17 Februari 2011 (Khamis)	6.00 petang hingga 12.00 tengah malam sahaja
18 Februari 2011 (Jumaat)	7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja
19 Februari 2011 (Sabtu)	7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja
20 Februari 2011 (Ahad)	7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja

- (2) Kawasan kempen adalah terhad di kawasan Kampus Universiti Malaya sahaja. Kempen adalah dilarang di perpustakaan, dewan peperiksaan, surau, Balai Islam, bilik bacaan dan bilik-bilik blok koridor penghuni kolej kediaman.

4. PENGUNDIAN

Tarikh : **21 Februari 2011 (Isnin)**
Masa : 9.00 pagi - 5.00 petang
Pusat Pengundian : Dewan Angsana, Akademi Pengajian Melayu

5. PENJUMLAHAN UNDI DAN PENGUMUMAN KEPUTUSAN

Tarikh : **21 Februari 2011 (Isnin)**
Masa : 6.30 petang
Tempat : Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu


Keputusan Penjumlahan Undi akan diumumkan secara lintas langsung (web cast) oleh Naib Canselor dan akan dipaparkan secara lintas langsung (web cast) di Pusat Pengundian yang berkenaan.

6. BANTAHAN DAN RAYUAN KEPUTUSAN PEMILIHAN

Tarikh Bantahan : **21 Februari 2011 (Isnin)**
Masa : 6.30 petang - 8.30 malam (2 jam)
Tempoh Rayuan : 2 jam selepas keputusan bantahan diumumkan.

7. AM

- (1) Sebarang maklumat lanjut mengenai proses dan prosedur MPPUM boleh dirujuk dalam Buku Peraturan dan Tatacara Pemilihan MPPUM atau daripada Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPPUM Sesi 2010/2011 di Pejabat Hal Ehwal Pelajar di talian 03-76573400.
- (2) Buku Peraturan dan Tatacara Pemilihan MPPUM sesi 2010/2011 boleh diakses di laman web pelajar <http://umisweb.um.edu.my> dan boleh didapati di Pejabat Hal Ehwal Pelajar.


PROFESOR DATUK DR. ROHANA YUSOF
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPPUM Sesi 2010/2011



10 FEB 2011

Tarikh : _____